



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

SEMPENA

MPSP FUN WALK 2018

OLEH

YANG BERHORMAT TUAN SATEES A/L MUNIANDY
AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI BAGAN DALAM
MEWAKILI

YANG AMAT BERHORMAT TUAN CHOW KON YEOW
KETUA MENTERI PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT
4 OGOS 2018 (SABTU)
6.30 PAGI

TAMAN AMPANG JAJAR
TRANSKRIAN
SEBERANG PERAI SELATAN

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Satees A/L Muniandy

Ahli Dewan Undangan Negeri Bagan Dalam

Wakil Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow

Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengurus Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang
Dan Alam Sekitar

Yang Berhormat Dr. Afif bin Bahardin

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengurus Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani,
Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan

Yang Berhormat Puan Chong Eng

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga,
Keterangkuman Gender Dan Agama Selain Islam

Yang Berhormat Zulkifli Bin Ibrahim

Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Acheh

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmod

Puan Setiausaha Perbandaran

Ketua-Ketua Jabatan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita berkumpul bersama-sama pada pagi ini dalam Program MPSP *Fun Walk* 2018 di Taman Ampang Jajar yang akan dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Satees A/L Muniandy, Ahli Dewan Undangan Negeri Bagan Dalam yang mewakili Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ahli-Ahli Majlis MPSP dan semua yang hadir kerana sudi meluangkan masa bersama MPSP pada awal pagi yang hening dan nyaman ini

Syabas dan tahniah kepada Jabatan Khidmat Pengurusan dan jabatan-jabatan MPSP yang berkaitan kerana berjaya menganjurkan program ini dengan meriah sekali. Kejayaan ini adalah hasil komitmen yang tinggi dari warga kerja MPSP.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Program MPSP *Fun Walk* 2018 ini adalah merupakan salah satu aktiviti yang telah dimuatkan dalam Pelan Strategik Seberang Perai 2018 – 2022 di bawah *Corporate Priorities 2018*. Program ini dilaksanakan Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang menuju ke arah “*Greener, Cleaner, Safer and Healthier Penang*”. Ianya bagi menerapkan amalan ke arah gaya hidup sihat dan terbuka kepada seluruh warga Seberang Perai termasuk penglibatan daripada kakitangan MPSP.

Acara-acara senam sihat dan bersukan sesungguhnya merupakan antara medium yang boleh menyatukan masyarakat tanpa mengira pangkat, usia, jantina dan bangsa. Kita semua sebenarnya mempunyai peranan dalam membudayakan sukan dalam kehidupan kita. Kehidupan yang cergas dan aktif adalah penting untuk kesihatan tubuh badan dan seterusnya akan menghasilkan fikiran yang cerdas dan minda yang kreatif. Badan yang sihat juga akan melahirkan insan yang cergas dengan minda yang cerdas. Gabungan ciri-ciri ini akan mencorakkan personaliti yang terbaik dalam diri kita.

Tujuan Program MPSP *Fun Walk* 2018 ini dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran dalam penjagaan kesihatan kepada warga

Seberang Perai termasuk mempromosikan Taman Ampang Jajar ini sebagai lokasi rekreasi utama kepada penduduk di daerah Seberang Perai Selatan agar menjadi lokasi ideal untuk aktiviti senam dan beriadah.

MPSP telah memilih Taman Ampang Jajar bagi melaksanakan program ini bagi mengetengahkan lokasi berkenaan kepada umum termasuk mempromosikan elemen-elemen yang boleh di kitar semula (*recycle item*) termasuk menaiktaraf semula barang yang rosak / tidak digunakan (*upcycle item*).

Saya berharap agar penduduk setempat dapat sama-sama menjaga taman rekreasi ini serta kemudahan yang disediakan di sini. Hargailah kemudahan yang disediakan semoga ianya dapat memberi manfaat kepada seluruh penduduk. Jadikanlah kemudahan-kemudahan ini sebagai ruang rekreasi awam dan sukan untuk meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan hidup dan juga sebagai platform integrasi sosial dalam masyarakat. Kerjasama dan komitmen semua pihak adalah amat diperlukan dalam merealisasikan hasrat MPSP.

Program ini merupakan yang julung kali dianjurkan oleh MPSP yang melibatkan aktiviti berjalan kaki sejauh 6 kilometer. Peserta yang mendaftar dikenakan yuran penyertaan sebanyak RM35.00 sahaja dan menerima T-shirt, *wristband*, pingat dan air mineral. Seramai 500 orang,

termasuk warga kerja MPSP telah mendaftarkan diri untuk menyertai program pada pagi ini.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

MPSP komited dalam memastikan setiap program yang dianjurkan memberi impak yang positif dan ianya mendapat sambutan yang menggalakkan serta menerapkan nilai gaya hidup yang lebih aktif dan sihat kepada penduduk Seberang Perai.

Akhir kata, marilah sama-sama kita merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memacu Pulau Pinang ke arah “*Cleaner, Greener, Safer and Healthier*”. Sokongan dan penglibatan rakyat adalah amat diperlukan bagi menjadikan Seberang Perai Bandaraya Rendah Karbon pada tahun 2022. Sekali lagi, terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ahli-Ahli Majlis MPSP, warga kerja MPSP serta para peserta dan para hadirin sekalin yang hadir memberikan sokongan penuh ke atas program MPSP ini.

**Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.**

Sekian, terima kasih.